

١١٢ - حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سُلَيْمَانَ قَالَ حَدَّثَنِي ابْنُ وَهْبٍ قَالَ أَخْبَرَنِي يُونُسُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ لَمَّا أَشَدَّ بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَعُهُ قَالَ أَتُونِي بِكِتَابٍ أَكْتُبُ لَكُمْ كِتَابًا لَا يَضِلُّوا بَعْدَهُ قَالَ عُمَرُ إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَلَبَهُ الرَّجْعُ وَعِنْدَنَا كِتَابُ اللَّهِ حَسْبُنَا فَاحْتَفِلُوا وَكَثُرَ اللَّغَطُ قَالَ قَوْمُوا عَنِّي وَلَا يَتَّبِعْنِي عِنْدِي التَّارُخُ فَخَرَجَ ابْنُ عَبَّاسٍ يَقُولُ إِنَّ الرِّزْيَةَ كُلَّ الرِّزْيَةِ مَا حَالَ بَيْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبَيْنَ كِتَابِهِ

112 - Yahya Bin Sulaiman telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Ibnu Wahb telah meriwayatkan kepadaku, katanya, Yunus telah meriwayatkan kepadaku daripada Ibni Syihab daripada Ubaidillah Bin 'Abdillah daripada Ibni 'Abbas, beliau berkata: "Ketika Nabi s.a.w. mengalami sakit berat, Baginda bersabda: "Bawakan kepadaku kertas supaya ^{untuk menulis} ku tulis buat kamu suatu perkara yang mana kamu tidak akan sesat selepasnya." Umar berkata, "Nabi s.a.w. sedang sakit tenat dan pada kita telah pun ada Kitab Allah, cukuplah untuk kita." Selepas itu mereka berselisih pendapat dan suasana menjadi bising. Nabi s.a.w. pun berkata: "Pergilah kamu, tinggalkan daku. Adalah tidak sesuai pertengkaran berlaku dekat aku." Ibnu 'Abbas keluar sambil berkata: "Kerugian paling besar ialah terhalangnya Rasulullah s.a.w. daripada menulis." ^{Ibnu 'Abbas} *Riwayat / berunding*

باب العلم والعظة بالليل

40 - Bab: Mengajar ilmu dan memberi nasihat pada waktu malam.

١١٣ - حَدَّثَنَا صَدَقَةُ أَخْبَرَنَا ابْنُ عُيَيْنَةَ عَنْ مَعْمَرٍ عَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ هِنْدٍ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ وَعَمْرٍو وَيَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ عَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ هِنْدٍ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ قَالَتْ اسْتَبَقَطَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ لَيْلَةٍ فَقَالَ سُبْحَانَ اللَّهِ مَاذَا أَنْزَلَ اللَّيْلَةَ مِنَ الْفَنِّ وَمَاذَا فُتِحَ مِنَ الْخَرَائِنِ أَقْطَعُوا صَوَاحِبَاتِ الْحَجَرِ قُرْبَ كَاسِيَةٍ فِي الدُّنْيَا غَارِيَةٍ فِي الْآخِرَةِ

113 - Sadaqah telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Ibnu 'Uyainah telah meriwayatkan kepada kami daripada Ma'mar daripada Az-Zuhri daripada Hind daripada Ummi Salamah. (Ibnu 'Uyainah juga telah meriwayatkan kepada kami daripada) 'Amar dan Yahya Bin Sa'id daripada Az-Zuhri daripada Hind daripada Ummi Salamah, beliau berkata: "Pernah Rasulullah s.a.w. bangkit pada suatu malam sambil berkata "Subhanallah, alangkah banyaknya fitnah yang diturunkan pada malam ini dan betapa banyak pula khazanah-khazanah yang dibukakan. Kejutkan orang-orang perempuan di

॥ १०७ ॥

41 - Bab: berbual-bual pada waktu malam tentang `ilmu.

97

kemudian tidur. Kemudian Nabi s.a.w. bangkit lalu bertanya: “Adakah budak kecil itu telah tidur?” atau begitulah lebih kurang pertanyaannya. Setelah itu Baginda berdiri. Aku pun berdiri di sebelah kirinya. Tetapi Nabi s.a.w. meletakkan aku di sebelah kanannya, lalu bersembahyang lima raka’at kemudian bersembahyang pula dua raka’at. Selepas itu Baginda s.a.w. tidur sehingga aku mendengar dengkurnya. Kemudian Nabi s.a.w. keluar untuk bersembahyang (Subuh di Masjid).”

باب حفظ العلم

42- Bab: Menghafal ilmu.

١١٦ - حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ إِنَّ النَّاسَ يَقُولُونَ أَكْثَرَ أَبُو هُرَيْرَةَ وَلَوْلَا آيَاتَانِ فِي كِتَابِ اللَّهِ مَا حَدَّثْتُ حَدِيثًا ثُمَّ يَلُوكَ (إِنَّ الَّذِينَ يَكْمُونُ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَى) إِلَى قَوْلِهِ (الرَّحِيمُ) إِنَّ إِخْوَانَنَا مِنَ الْمُهَاجِرِينَ كَانُوا يَشْعَلُهُمُ الصَّفْقُ بِالْأَسْوَاقِ وَإِنَّ إِخْوَانَنَا مِنَ الْأَنْصَارِ كَانُوا يَشْعَلُهُمُ الْعَمَلُ فِي أَمْوَالِهِمْ وَإِنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ كَانَ يُلْزَمُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِشَيْعِ بَطْنِهِ وَيَحْضُرُ مَا لَا يَحْضُرُونَ وَيَحْفَظُ مَا لَا يَحْفَظُونَ

116 - 'Abdul Aziz Bin 'Abdillah telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Malik telah meriwayatkan kepadaku daripada Ibnu Syihab daripada Al-A'raj daripada Abi Hurairah, beliau bercerita: “Orang ramai berkata, Abu Hurairah banyak meriwayatkan hadits. Kalaulah tidak kerana ada dua ayat di dalam Kitab Allah, aku tidak akan meriwayatkan apa-apa hadits pun, kemudian dia membaca (إِنَّ الَّذِينَ يَكْمُونُ مَا أَنْزَلْنَا مِنَ الْبَيِّنَاتِ وَالْهُدَى) “Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyi keterangan dan pertunjuk yang Allah turunkan....” Hingga kepada firmanNya (الرَّحِيمُ). Sesungguhnya saudara-saudara kami dari kalangan Muhajirin, mereka sibuk berjual beli di pasar dan saudara-saudara kami dari kalangan Ansar pula sibuk mengusahakan ladang-ladang mereka. Abu Hurairah pula duduk bersama Rasulullah s.a.w. dengan hanya melapik perutnya. Dia hadir ketika mana mereka tidak hadir dan dia menghafal apa yang mereka tidak hafal.” *ala kadar*

١١٧ - حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ أَبِي بَكْرٍ أَبُو مُصْعَبٍ قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ بْنِ دِينَارٍ عَنْ ابْنِ أَبِي ذُئْبٍ عَنْ سَعِيدِ الْمَقْبَرِيِّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَسْمَعُ مِنْكَ حَدِيثًا كَثِيرًا أَنْسَاهُ قَالَ أَسْطُرْ رِدْءَكَ فَبَسْطُهُ قَالَ فَغَرَفَ بِيَدَيْهِ ثُمَّ قَالَ ضُمَّهُ فَضَمَّهُ فَمَا نَسِيتُ شَيْئًا بَعْدَهُ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْذِرِ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي فُذَيْكٍ هَذَا أَوْ قَالَ غَرَفَ بِيَدِهِ فِيهِ

117 - Ahmad Bin Abi Bakr Abu Mus'ab telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Muhammad Bin Ibrahim Bin Dinar telah meriwayatkan kepada kami daripada Ibnu Abi Zi'b daripada Sa'id Al-

Maqburi daripada Abi Hurairah, beliau bercerita, aku berkata: “Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku mendengar banyak hadits daripadamu tetapi aku terlupa. Nabi s.a.w. bersabda: “Hamparkan selimut itu”. Aku pun menghamparkannya. Abu Hurairah bercerita lagi: “Nabi s.a.w. pun menceduk dengan kedua belah tangannya, kemudian Baginda bersabda: “Dakap kain itu.” Aku terus mendakap kain itu. Kerananya aku tidak lagi terlupa apa-apa.”

١١٨ - حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ حَدَّثَنِي أَخِي عَنْ ابْنِ أَبِي ذُنَيْبٍ عَنْ سَعِيدِ الْمَقْبُرِيِّ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ خَفِظْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَاءَيْنِ فَأَمَّا أَحَدُهُمَا فَسَنَّهُ وَأَمَّا الْآخَرُ فَلَوْ بَسَّهُ قُطِعَ هَذَا الْبُلْعُومُ

118 - Isma'il telah meriwayatkan kepada kami, katanya, saudaraku telah meriwayatkan kepadaku daripada Ibn Abi Zi'b daripada Sa'id Al-Maqburi daripada Abi Hurairah, beliau berkata: “Saya telah menghafal daripada Rasulullah s.a.w. dua macam ilmu. Satu daripadanya telah saya sebarkan, dan yang satu lagi, kalau saya sebarkan niscaya akan di potong al-bul'uum (urat leher) ini.

Abu 'Abdillah berkata: “al-bul'uum ialah saluran makanan.”

باب الانصاف للعلماء

43- Bab: Diam untuk mendengar keterangan 'ulama'.

١١٩ - حَدَّثَنَا حَجَّاجٌ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَخْبَرَنِي عَلِيُّ بْنُ مُدْرِكٍ عَنْ أَبِي زُرْعَةَ بْنِ عَمْرِو عَنْ جَرِيرٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهْ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ اسْتَنْصِبِ النَّاسَ فَقَالَ لَا تَرْجِعُوا بَعْدِي كَهَارًا يَضْرِبُ بَعْضُكُمْ رِقَابَ بَعْضٍ

119 - Hajjaj telah meriwayatkan kepada kami, katanya, Syu'bah telah meriwayatkan kepada kami, katanya, 'Ali Bin Mudrik telah meriwayatkan kepadaku daripada Abi Zur'ah Bin 'Amar daripada Jarir bahawa Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya pada haji Wada': “Tolong minta supaya orang ramai diam.” Selepas itu Baginda bersabda: “Janganlah kamu menjadi kafir sesudahku di mana sebahagian daripada kamu memenggal leher sebahagian yang lain.”